

05 APR 2002

Mahathir-Pas

JANGAN PERKECILKAN ORANG BELAJAR ILMU LAIN, KATA PM

LANGKAWI, 5 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Pas tidak seharusnya memperkecilkan orang yang belajar ilmu selain daripada ilmu agama untuk memberi sumbangan kepada kesejahteraan hidup umat Islam.

Beliau berkata Pas menyalahafsirkan Islam kerana mengajak umat Islam di negara ini mementingkan ilmu agama semata-mata dan menolak ilmu lain yang kononnya sekular walaupun untuk kepentingan agama dan kesejahteraan umat Islam.

"Tidak dinafikan orang belajar ilmu agama dapat kebaikan tetapi jangan perkecilkan orang yang belajar ilmu lain untuk memberi sumbangan kepada kesejahteraan hidup umat Islam.

"Orang Islam akan mencapai kejayaan jika mereka mengimbangi keperluan dunia dengan kepentingan akhirat," kata beliau ketika merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Langkawi hari ini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno berkata, berbeza dengan Pas, Umno sebaliknya mempertahankan Islam dan umatnya dengan memberi mereka ilmu pengetahuan supaya dapat menggunakan ilmu itu untuk memajukan diri bagi mempertahankan agama, bangsa dan negara.

"Kalau kita daif dan miskin, tak mungkin kita dapat mempertahankan Islam. Kalau kita tidak miskin, orang tidak boleh peralatkan faktor kemiskinan kita untuk melemahkan iman kita," katanya.

Perdana Menteri berkata perjuangan Umno perlu terus dipelihara agar ia menjadi terus relevan.

Beliau berkata selepas pilihan raya umum 1999, banyak orang mendakwa Umno tidak lagi relevan dalam masyarakat Melayu negara ini berikutan prestasi parti itu yang kurang baik pada pilihan raya itu kerana banyak kawasan, contohnya di Kedah, direbut parti lawan.

Bagaimanapun katanya, keputusan pilihan raya kecil Ketari, Indera Kayangan dan Likas menunjukkan sokongan orang ramai kepada Umno dan Barisan Nasional (BN) semakin meningkat sekarang.

Dr Mahathir berkata beliau gembira kerana sekarang ramai daripada generasi muda menyertai Umno melalui pergerakan Pemuda serta Puteri Umno dan ini menunjukkan jika mereka terus percaya pada perjuangan Umno, parti itu akan terus relevan selama-lamanya.

"Kita patut beri tempat kepada generasi muda. Kita mesti sedia undur diri supaya mereka dapat ambil alih kepimpinan. Yang tua harus mengalu-alukan orang muda bahkan sanggup memberi tempat kepada mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata kadang-kadang Umno tidak mendapat anggota baru kerana pemimpin cawangan khuatir kedudukan mereka akan tercabar berikutan kemasukan gologan muda yang berpelajaran.

"Jika keadaan ini berlaku, Umno akan menjadi tidak relevan dan akan mati bersama-sama dengan generasi tua. Jangan anggap Umno milik kita dan orang lain tidak ada tempat dalam Umno," katanya.

Bagaimanapun, beliau menasihatkan generasi muda agar jangan pula berebut jawatan ketika generasi tua mengundurkan diri.

"Jangan anggap perjuangan Umno tidak berjaya apabila kita tidak mendapat apa-apa. Sebenarnya semua mendapat faedah daripada perjuangan Umno termasuk kemudahan pendidikan, kesihatan dan perniagaan," katanya.

Perdana Menteri berharap semua orang harus berterima kasih kepada Umno dan memberi sokongan kepada Umno sepanjang masa.

Menyentuh mengenai terdapat banyak sepanduk "Terima Kasih Perdana Menteri" yang terdapat di sekitar pulau peranginan ini, Dr Mahathir menjawab: "Sama-sama"

Lebih 600 sepanduk dan kain rentang yang mempunyai slogan itu digantung sebagai menghargai sumbangan dan usaha Dr Mahathir dalam membangunkan pulau ini sebagai destinasi pelancongan antarabangsa dan meningkatkan taraf hidup penduduk di sini.

-- BERNAMA

NH JM NMO